



## PANDUAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM SARJANA MUDA SESI AKADEMIK 2021/2022 (Calon Asasi Sains UTM dan Foundation MARA-UTM)

### 1. APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)

- a. Permohonan kemasukan ke UTM bagi program Sarjana Muda sesi akademik 2021/2022 adalah melalui **Aplikasi Dalam Talian (Online Application)** sahaja.
- b. Calon boleh mengemukakan permohonan mulai **1 Mac 2021** melalui laman web  
<https://intake01.utm.my/permohonan/MohonUTM>  
ATAU  
<https://intake02.utm.my/permohonan/MohonUTM>
- c. Permohonan ini adalah "**Closed System**". Hanya pelajar program Asasi Sains UTM dan pelajar Foundation MARA-UTM yang aktif sahaja boleh mengemukakan permohonan.

### 2. TATACARA PERMOHONAN

- a. Setelah memsuki url seperti dalam para 1 sila [[Klik Di Sini](#)] untuk membuat permohonan.
- b. Calon dikehendaki memilih **Kategori dan memasukkan no MyKad** untuk memasuki sistem permohonan Aplikasi Dalam Talian.
- c. Calon dikehendaki **mengisi semua maklumat** yang dikehendaki dan sekiranya maklumat penting tidak lengkap, pemohon tidak boleh ke langkah seterusnya.
- d. Calon dibenarkan memilih **dua (2) program pilihan sahaja** dan tidak dibenarkan memilih **kod pilihan program pengajian yang sama bagi kedua-dua pilihan**.
- e. Setelah mengisi maklumat pada setiap bahagian, calon dikehendaki klik butang **Simpan** yang terdapat di bahagian bawah laman bagi memastikan maklumat dihantar dan disimpan.
- f. Langkah seterusnya klik butang **Seterusnya >>** bagi melengkapkan pengisian borang permohonan.
- g. Permohonan dihantar dan diterima sekiranya tertera perkataan **Permohonan anda BERJAYA dihantar** akan tercatat pada laman terakhir.
- h. Setelah selesai, anda perlu menyemak semua maklumat dengan klik butang **Paparan dan Cetak**. Jika tiada pindaan atau kemaskini, **sila cetak untuk simpanan dan rujukan saudara**.

### 3. SEMAKAN & KEMASKINI

- a. Sekiranya calon ingin membuat pengemaskinian, calon boleh berbuat demikian dengan klik butang **Kemaskini** dan **Simpan** serta ke langkah seterusnya.
- b. Calon dibenarkan membuat **semakan/pengemaskinian sehingga tarikh tutup permohonan. Maklumat terakhir** dalam sistem yang dikemaskini dan dihantar sehingga **tarikh tutup permohonan** diambil sebagai maklumat terkini untuk diproses permohonan.

4. **BAYARAN WANG PROSES**

- a. Calon dikehendaki membuat pembayaran yuran pemprosesan sebanyak **RM30.00** melalui kaedah yang dinyatakan dalam borang permohonan.

5. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

- a. Tarikh tutup **Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*)** pada **31 Mac 2021**.
- b. Hanya permohonan yang lengkap dan dihantar sebelum tarikh tutup akan diproses dan dipertimbangkan.

6. **MAKLUMAT PENTING**

- a. Semakan keputusan permohonan akan diumumkan melalui laman web <https://jpt.utm.my> pada **minggu kedua bulan September 2021**.
- b. Pihak Universiti berhak membatalkan dan menarik balik tawaran semasa pendaftaran sekiranya didapati pemohon mengemukakan maklumat atau dokumen palsu semasa mengemukakan permohonan.

7. **UNTUK SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI ALAMAT DAN TALIAN SEPERTI DI BAWAH :**

Bahagian Rekrutmen & Kemasukan Mahasiswa  
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TA'AZIM**

Telefon : 07-5537632/ 37573/ 37809/ 37552  
Emel : [ugrad@utm.my](mailto:ugrad@utm.my)